



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/12/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Banjir di Pahang hampir pulih

KUANTAN - Situasi banjir di Pahang hampir pulih apabila dua pusat pemindahan sementara (PPS) di dua daerah ditutup sepenuhnya semalam.

Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kedua-dua daerah terbabit turut ditutup apabila semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Penolong Pesuruhjaya (PA) Zainal Yusof berkata, sehingga jam 4 petang semalam, hanya dua PPS masih dibuka di daerah Temerloh yang menempatkan 316 mangsa daripada 88 keluarga terjejas.

Menurutnya, PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Kapor menempatkan 283 mangsa daripada 79 keluarga, manakala SK Bukit Cermin menempatkan 33 mangsa daripada sembilan keluarga.